



CHURCH OF THE HOLY REDEEMER

25 hb Jun 2020

Salam damai kepada semua umat Paroki Gereja Holy Redeemer.

PEMBUKAAN SEMULA GEREJA HOLY REDEEMER KLANG UNTUK MISA UMUM

Dalam mempersiapkan gereja untuk dibuka semula, sila ambil perhatian kepada panduan-panduan dan prosedur operasi standard yang disesuaikan daripada Keuskupan Agung KL yang mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan dan pihak berkuasa kesihatan. Kami sedar bahawa ini mungkin agak menyusahkan dan bertentangan dengan budaya pelayanan dan kemasyarakatan kita tetapi harapan kami adalah untuk menyediakan suatu persekitaran selamat untuk semua umat. Kami dahului dengan ucapan terima kasih di atas kesabaran dan kerjasama semua umat.

Mengambil kira semua perkara di atas, "Misa Umum" pertama di gereja ini akan diadakan pada **Ahad, 5 hb Julai 2020 pada jam 9:30 pagi** dan akan dirayakan dalam pelbagai bahasa. Misa pada minggu-minggu seterusnya adalah pada hari Ahad jam 9.30 pagi. Walau bagaimanapun, pada masa ini pihak gereja cuma dapat membenarkan **141 orang umat** (ini adalah hasil bilangan setelah bilangan umat terlibat dalam perayaan liturgi ditolak) untuk mengikuti Misa pada satu-satu masa. Ini adalah untuk mematuhi syarat yang dikenakan oleh kerajaan di mana jumlah pengikut yang dibenarkan adalah satu pertiga daripada kapasiti rumah ibadat dan mengambil kira penjarakan sosial. Oleh itu, tidak semua umat paroki ini akan dapat menyertai Misa. Pada masa seperti inilah semangat belas ikhsan kristiani daripada semua umat amat diperlukan.

Berikut adalah panduan-panduan dan prosedur-prosedur yang mesti dipatuhi sepenuhnya oleh semua umat yang akan menghadiri Misa.

KESELURUHAN

1. Sila pakai pelitup muka **setiap masa**.
2. Pastikan penjarakan sosial **setiap masa** (paling kurang 1 meter).
3. Amalkan kebersihan diri **setiap masa**.
4. Umat berusia **12 - 70 tahun** (telah menerima Komuni Pertama) sahaja dibenarkan untuk menghadiri Misa.
5. Umat yang mempunyai gejala seperti **demam panas, batuk, masalah pernafasan dan selsema** tidak dibenarkan untuk menghadiri Misa. Umat dalam kategori berisiko tinggi (mempunyai masalah kesihatan seperti penyakit **kencing manis, kanser dan penyakit kronik yang lain**) tidak digalakkan untuk menghadiri Misa.



CHURCH OF THE HOLY REDEEMER

6. Kemasukan ke dalam gereja adalah mengikut dasar "siapa cepat dia dapat". **Tempat duduk tidak boleh di tempah atau di simpan untuk mereka yang belum sampai.**
7. Sila ambil perhatian bahawa setelah menolak bilangan pelayan liturgi, hanya **141 tempat duduk diperlukan**.
8. Pagar masuk gereja akan dibuka bermula jam **8.00 pagi**. Umat diharuskan berada di dalam gereja **sekurang-kurangnya 30 minit sebelum** Misa dimulakan untuk tujuan pemeriksaan suhu badan dan pendaftaran untuk pengesanan kontak. **Sila bawa kad pengenalan anda.**
9. Muat turun aplikasi "SELANGKAH" atau sebarang jenis *QR code scanner* ke dalam telefon bimbit anda (jika telefon bimbit anda tiada fungsi pengimbas) untuk mengimbas *SELANGKAH QR code* untuk check-in (masuk) dan mengimbas *Parish QR Code* sebelum meninggalkan gereja.
10. Tolong elakkan daripada bersosial dengan umat yang lain.
11. Sila patuhi sebarang arahan yang diberikan oleh warden gereja dan juga ERT.
12. Sila ke tandas di rumah anda sebelum datang ke gereja. Seboleh-bolehnya, tandas di kawasan gereja digunakan untuk kecemasan sahaja.
13. **Jangan** sentuh patung-patung dan gambar-gambar suci.
14. Kaunter pejabat paroki akan ditutup pada masa ini. Jika boleh, sebarang derma boleh di kirim kepada gereja melalui transaksi atas talian. Maklumat akaun bank gereja akan dipaparkan semasa pengumuman.
15. Jika boleh, periksa suhu badan anda sebelum datang ke gereja untuk memastikan ia di bawah **37.5°C**.
16. Makanan dan minuman tidak dibenarkan dibawah masuk ke dalam gereja.
17. Pada masa ini, pengakuan dosa sebelum Misa ditiadakan. Sila hubungi pejabat paroki untuk membuat temujanji dengan Fr. Clement untuk mengaku dosa.
18. Pemberkatan khas (untuk kanak-kanak, kereta dsbnya) setelah Misa ditiadakan juga. Sila hubungi pejabat paroki untuk membuat temujanji dengan Fr. Clement untuk pemberkatan khas.
19. Dispensasi (keizinan) diberikan kepada umat yang tidak dapat menghadiri Misa. Mereka boleh mengikuti siaran langsung Misa yang disiarkan oleh Keuskupan KL.

A. SEBELUM Perayaan Ekaristi

1. Apabila kereta anda memasuki kawasan gereja, setiap orang di dalam kereta itu akan diberikan nombor. Ini adalah untuk mengira bilangan umat yang masuk ke gereja.
2. Sila letakkan kereta anda di tempat letak kereta yang ditetapkan. **Kereta tidak dibenarkan diletak menghalang kereta yang lain.** Sila ikut arahan RELA.



CHURCH OF THE HOLY REDEEMER

3. ERT akan mengimbas suhu badan di kawasan letak kereta. Jika ada seorang pun di dalam kereta itu mempunyai suhu badan lebih daripada 37.5°C, **kesemua orang di dalam kereta itu akan diminta untuk meninggalkan kawasan gereja.**
4. Hanya satu pintu pagar gereja akan dibuka (Pintu pagar utama).
5. Meja pendaftaran akan disediakan di sisi pintu masuk gereja. SELANGKAH QR code dan Parish QR code, Buku Pelawat, *hand sanitisers* (pembersih tangan), dan kertas tisu akan diletakkan di atas meja tersebut.
6. Sila tunjukkan kad pengenalan anda kepada ERT di meja pendaftaran. (**sesiapa yang berumur kurang daripada 12 tahun - 09xxxx-xx-xxxx dan seterusnya atau lebih daripada 70 tahun - 49xxxx-xx-xxxx atau sebelumnya = tidak akan dibenarkan untuk masuk**)
7. Imbas SELANGKAH QR code dan tulis nama, nombor telefon, bacaan suhu badan dan masa masuk di dalam Buku Pelawat untuk tujuan pengesahan kontak. Jika anda tidak dapat mengimbas code itu, memadai dengan menulis maklumat anda di dalam Buku Pelawat itu sahaja.
8. Bersihkan tangan anda dengan pembersih tangan **sebelum dan selepas** menggunakan pen untuk menulis ke dalam Buku Pelawat. Isi semua maklumat anda dalam **huruf besar**.
9. Setelah itu, warden gereja akan menunjukkan anda tempat duduk anda yang bernombor dan nombor tempat duduk anda akan direkodkan. Sila jangan tukar tempat duduk anda.
10. Setelah anda duduk, sila kembalikan nombor yang diberikan kepada anda tadi kepada warden gereja.
11. Sila **elakkan** daripada bersosial dengan umat yang lain. **Jangan bergerak ke sana ke sini apabila anda sudah duduk di tempat anda.**
12. Kesemua pintu pagar akan ditutup jika kapasiti sudah penuh atau **15 minit** sebelum Perayaan Ekaristi dimulakan.
13. Jika kapasiti sudah penuh, tanda **FULL (PENUH)** akan diletakkan di pintu pagar. Jika anda tiba selepas ini, **anda terpaksa meninggalkan kawasan gereja.**

B. SEMASA Perayaan Ekaristi

1. Sila heningkan diri semasa Misa.
2. Tiada lagu akan dinyanyikan semasa Misa. [Risiko kebolehjangkitan adalah lebih tinggi kerana ia meningkatkan penyebaran titisan udara]
3. Antifon Kemasukan akan dibaca (untuk menggantikan lagu kemasukan)
4. Tuhan Kasihani Kami dan Kemuliaan akan dibaca / dinyanyikan.
5. Perarakan persembahan ditiadakan.



CHURCH OF THE HOLY REDEEMER

6. Kolekte – 2 kotak kolekte akan diletakkan di pintu keluar. Satu untuk gereja dan satu lagi untuk para miskin atau penyenggaraan gereja. Umat dijemput untuk memasukkan sumbangan kasih ke dalam kotak kolekte semasa keluar daripada gereja selepas Misa.
7. Semasa Doa Bapa Kami, **jangan berpegangan tangan**.
8. Salam damai memadai dengan **menggangukkan kepala sahaja. Berciuman, berpelukan, berjabat tangan atau sebarang sentuhan fizikal harus dielakkan**.
9. Komuni – Antifon Komuni akan dibaca bersama dan heningkan diri anda.
10. Terima komuni di atas telapak tangan sahaja. Sila bersihkan tangan anda sebelum menerima komuni.
11. Patuhi penjarakan sosial. Sila ikut tanda yang telah ditetapkan di atas lantai.
Nota: a) Elakkan daripada pergi ke tandas jika boleh.
b) Sila patuhi sebarang arahan daripada warden gereja.

C. SETELAH Perayaan Ekaristi

1. Setelah Perayaan Ekaristi selesai, semua umat dinasihatkan agar **tidak berlengah-lengah** di kawasan gereja tetapi sebaliknya terus meninggalkan kawasan gereja.
2. Tiada pemberkatan khas (untuk kanak-kanak, kereta dsbnya) setelah Misa. Sila hubungi pejabat paroki untuk membuat temujanji dengan Fr. Clement untuk pemberkatan khas.
3. Sila pastikan kebersihan sentiasa dijaga. **Jangan tinggalkan sebarang tisu terpakai, sampah dsbnya**.
4. Umat dikehendaki keluar daripada gereja barisan demi barisan tempat duduk masing-masing untuk mengelakkan kesesakkan di pintu keluar.
5. Sekali lagi, umat dijemput memasukkan sumbangan kasih mereka di dalam kotak kolekte di pintu keluar semasa keluar daripada gereja.
6. Imbas Parish QR code atau tulis maklumat yang diperlukan di dalam Borang Keluar Pelawat sebelum keluar (ini adalah untuk pengesanan kontak Keuskupan KL)

Yang Mulia Uskup Agung Julian Leow D.D. telah mengingatkan kita bahawa “Ekaristi adalah “sumber dan puncak kehidupan kristiani” yang sebenar-benarnya dan seharusnya sentiasa menjadi keutamaan kita. Begitu pun, Gereja juga harus mengutamakan dan mengambil sikap bertanggungjawab untuk memastikan umat Katolik dapat kembali ke gereja dalam keadaan yang selamat dan mematuhi semua nasihat kesihatan umum yang disyorkan”.



CHURCH OF THE HOLY REDEEMER

Memandangkan pembukaan semula gereja untuk Perayaan Misa adalah secara beransur-ansur dan terbatas, sertakekangan-kekangan yang dikenakan keatas kehadiran umat, sila ambil maklum bahawa Yang Mulia akan meneruskan dispensasi (keizinan) kepada umat daripada kewajiban mengikuti Misa Minggu dan Hari Raya Wajib. Keuskupan Agung juga akan meneruskan siaran langsung Misa untuk keberkatan rohani para umat yang tidak dapat menghadiri Misa.

Walaupun kita sekarang berada dalam masa yang tidak menentu, di mana ada di antara kita akan berasa sedih dan kecewa dengan peraturan-peraturan yang telah dibuat ini, saya berharap dan berdoa supaya anda semua bersabar, jangan hilang semangat dan terus bersatu dalam iman, pengharapan dan kasih. Saya menantikan hari di mana kita semua akan dapat bergembira dan dapat merayakan Misa bersama-sama sebagai satu keluarga besar dan satu komuniti sekali lagi.

Tuhan memberkati.

Yang ikhlas,

Fr. Clement Lim
Paderi Paroki